



## Arif Lagi Bijaksana, Adil Lagi Saksama

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji-pujian dan lafaz kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya, Beta bersama Raja Permaisuri dapat berangkat untuk menyempurnakan perasmian Jemaah Dato'-Dato' Negeri Perak Darul Ridzuan.

Beta berbesar hati kerana usaha menubuhkan Jemaah Dato'-Dato' Negeri Perak ini dirintis dan akhirnya menjadi realiti. Penubuhan Jemaah ini merupakan satu manifestasi pengiktirafan rakyat akan kurniaan

---

Titah Ucapan di Majlis Santapan Diraja sempena Perasmian Jemaah Dato'-Dato' Negeri Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 13hb. September 2003.



anugerah daripada Raja Pemerintah. Lebih bermakna lagi kepada Beta, apabila dimaklumkan bahawa Jemaah menjadikan tujuan utama penubuhannya untuk menjunjung dan mempertahankan kedaulatan Kesultanan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak di samping menyumbang ke arah keberkesanan dan kecemerlangan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Kerajaan Negeri Perak.

**“... bahawa Institusi Kesultanan itu kukuh berakar umbi dalam jiwa raga bangsa yang bertamadun dan berbudaya, kekal relevan sepanjang masa – sepanjang zaman, selagi Raja menjalankan pemerintahan secara arif lagi bijaksana, adil lagi saksama.”**

Beta menghargai kejayaan usaha yang telah dirintis untuk menubuhkan Jemaah Dato'-Dato' ini dengan tujuan-tujuan mengikut yang telah disembah maklum kepada Beta. Tujuan yang termaktub dalam penubuhan Jemaah ini adalah selaras dengan semangat memastikan kedaulatan Institusi Kesultanan terus dinobatkan dalam sistem berkerajaan yang berpegang kepada prinsip Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Terbukti bahawa Institusi Kesultanan itu kukuh berakar umbi dalam jiwa raga bangsa yang bertamadun dan berbudaya, kekal relevan sepanjang masa – sepanjang zaman, selagi Raja menjalankan pemerintahan secara arif lagi bijaksana, adil lagi saksama.

Kurniaan daripada Raja Pemerintah dalam bentuk anugerah adalah tradisi yang diwarisi dalam adat resam dan amalan Institusi Kesultanan Melayu. Rakyat yang berjasa kepada Raja, kepada takhta kerajaan, kepada negeri dan kepada masyarakat, diperakukan untuk mendapat perkenan Raja Pemerintah dikurniakan anugerah sebagai tanda pengiktirafan. Tradisi ini kekal subur sebagai warisan budaya bangsa malah terus berkembang. Hari ini, tradisi ini telah diinstitusikan,



diperkemaskan melalui tatacara yang lebih tersusun dan lebih teratur. Kurniaan Raja Pemerintah disampaikan dalam bentuk anugerah bintang kebesaran, gelaran dan pingat.

Dengan penubuhan Jemaah Dato'-Dato' ini, para penerima anugerah dapat dihimpunkan dalam sebuah organisasi secara lebih teratur dan dipercayai dapat menjalin satu rangkaian perhubungan sesama pemegang anugerah. Beta telah disembah maklum bahawa Jemaah juga menjadikan satu tanggungjawab untuk menjaga darjat kemuliaan Darjah Kebesaran Negeri Perak. Tujuan tersebut amatlah bertepatan. Anugerah yang dikurniakan mendapat pengiktirafan masyarakat sebagai pencapaian satu tahap penghormatan; kerana itu pemegang anugerah pada umumnya dianggap telah menduduki satu strata sosial yang lebih tinggi.

**“Penghormatan yang tulen kepada pemegang anugerah hendaklah disandarkan kepada ketrampilan sahsiah dan watak peribadi yang terserlah yang diperlihatkan melalui tingkah dan laku yang senantiasa tertib dan bersopan.”**

Amatlah perlu disedari bahawa anugerah ini tanpa dipelihara taraf kehormatannya akan hanya tinggal sebagai satu hiasan luaran. Penghormatan luaran perlu diperkukuhkan dan diberikan erti melalui sifat-sifat mulia dan keperibadian murni yang diperlihatkan oleh para pemegang anugerah. Penghormatan yang tulen kepada pemegang anugerah hendaklah disandarkan kepada ketrampilan sahsiah dan watak peribadi yang terserlah yang diperlihatkan melalui tingkah dan laku yang senantiasa tertib dan bersopan. Adalah penting untuk keperibadian diri sebagai insan yang layak dihormati dan disegani senantiasa dipelihara dalam hasrat memelihara supaya kehormatan anugerah ini tidak tercemar.

Kejayaan memelihara kehormatan darjat anugerah, adalah penentu kepada nilai sesuatu anugerah. Tidak ada maknanya, memegang sesuatu



anugerah jika anugerah itu dilihat secara sinis oleh masyarakat. Para pemegang anugerah dengan itu hendaklah menjadi sebaik contoh, sebagai anggota masyarakat yang senantiasa mematuhi undang-undang, dan sama sekali tidak menyalahgunakan anugerah untuk tujuan-tujuan yang boleh mencemarkan nama baik anugerah. Beta meletakkan harapan agar Jemaah Dato'-Dato' dapat membantu mempertahankan darjat kebesaran anugerah secara menggariskan etika perlakuan yang harus dijadikan panduan oleh setiap pemegang anugerah.

Setiap pemegang anugerah telah memenuhi khidmat bakti dan telah mencipta kejayaan di bidang masing-masing hingga melayakkan diri mendapat perkenan dikurniakan anugerah. Harapan Beta, semoga anugerah yang telah dikurniakan dapat dijadikan pendorong kepada Dato'-Dato' untuk terus memenuhi tanggungjawab yang lebih besar dan mencipta kejayaan lebih gemilang.

Beta mendoakan semoga Jemaah mendapat petunjuk dan bimbingan Ilahi dalam menjalankan urusan dan kegiatannya dan senantiasa mengamalkan semangat saling menghormati, berunding dan bekerjasama dengan Institusi Kesultanan, Dewan Negara Perak dan Orang Besar Negeri.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta dengan segala kesyukuran, memberi perkenan dan mengisytiharkan secara rasmi Jemaah Dato'-Dato' Negeri Perak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.